UCAPAN ALUAN

YBHG DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI

KETUA PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SEMPENA

ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2017

(National OSH Award 2017)

Tarikh	:	16 November 2017
Tempat	:	Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
Anjuran	:	Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH)
		Dengan kerjasama:
		Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
		Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
		Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

(mohon rujuk senarai protokol)

Pendahuluan

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita pada malam ini. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Anugerah pada malam ini.

OSH Award

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan adalah merupakan acara tahunan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan juga NIOSH. Ianya dianjurkan bertujuan

memberi pengiktirafan kebangsaan kepada individu dan majikan daripada pelbagai sektor industri yang mempamerkan rekod pencapaian cemerlang di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

3. Selain itu, penganjuran majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan juga memberi motivasi dan dorongan kepada semua pihak terutamanya syarikat dan organisasi supaya sentiasa memberi perhatian dan mempertingkatkan prestasi mereka di dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Sebanyak **32 kategori anugerah** dipertandingkan pada tahun ini dan ianya termasuklah 2 kategori baharu iaitu **Anugerah KKP di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** dan **Anugerah Majikan Cemerlang Pengurusan Perjalanan Selamat.** Untuk makluman, syarikat/organisasi yang hadir pada malam ini adalah mereka yang berjaya dengan cemerlang dalam proses audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang dijalankan pada tahun ini. TAHNIAH saya ucapkan.

4. Maka sebagai penghargaan dan pengiktirafan, syarikat/organisasi yang cemerlang ini akan diraikan pada majlis malam anugerah yang berprestij ini. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan pihak Kerajaan khususnya dalam usaha

pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh majikan yang dapat membantu meningkatkan produktiviti dan melahirkan pekerja di Malaysia yang selamat dan sihat. Di samping itu, majlis anugerah ini juga dapat mewujudkan satu platform bagi perkongsian maklumat-maklumat terkini berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di antara kerajaan, majikan dan pekerja bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Peranan MNKKP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. MNKKP sentiasa peka dengan pelbagai isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang seringkali mendapat perhatian media dan juga masyarakat. Selaku badan tertinggi yang bertanggungjawab menentukan hala tuju dan dasar Negara berhubung Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), MNKKP sentiasa mengadakan inisiatif dan usaha bagi meningkatkan tahap KKP di Negara kita.

6. Antara program yang dianjurkan adalah Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (World OSH Day), Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kebangsaan (National OSH Week), Seminar Perdana KKP di pelbagai sektor dan industri di seluruh Negara. Kemuncaknya ialah penganjuran Majlis Anugerah Cemerlang KKP yang gilang-gemilang pada malam ini.

7. Selain daripada itu, pelbagai kerjasama juga telah dijalankan antara MNKKP dengan agensi kerajaan dan swasta untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Negara kita. Usaha ini adalah berlandaskan *tripartisme* iaitu usaha pihak Kerajaan, Majikan dan Pekerja ke arah membudayakan tempat kerja yang selamat dan sihat. Saya selaku Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) akan sentiasa memberi sepenuh komitmen dan sokongan berterusan ke atas program dan inisiatif yang memberi manfaat dan meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Negara kita.

Penutup

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan TAHNIAH kepada para pemenang Anugerah KKP Kebangsaan pada tahun ini. Saya berharap dengan pengiktirafan dan

penghargaan ini akan meningkatkan lagi semangat kepada para pemenang anugerah untuk mempertingkatkan lagi dan juga mengekalkan sistem pengurusan KKP yang cemerlang di setiap organisasi masing-masing.

9. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa penganjur dan juga pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Majlis Anugerah pada malam ini.

10. Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan ucapan ribuan terima kasih.